

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan:

Soalan 1

Sebagai seorang pereka grafik di sebuah syarikat pengiklanan, anda dikehendaki menghasilkan semula **satu (1)** reka bentuk bahan promosi iaitu **flyers** bagi sebuah syarikat menjual jenama kopi yang bakal dilancarkan pada bulan Januari 2024. Nama kedai tersebut adalah **RasaKopi Kulim** dengan *tagline* '**Aroma Membawa Cerita**'. Anda bebas menentukan imej dan maklumat bersesuaian pada rekaan tersebut dengan menggunakan kombinasi dua perisian iaitu suntingan imej dan grafik vektor. Contoh logo adalah seperti Gambarajah 1 di bawah. Anda boleh menyalin semula logo berkenaan atau menghasilkan semula logo anda menggunakan perisian grafik vektor yang telah dipelajari.

CLO 3

Gambarajah 1

Konsep dan imej perlulah bersesuaian bagi mendapatkan hasil yang kreatif dan menarik. Saiz reka bentuk adalah **A3** berorientasikan potret dan mengandungi elemen tipografi, warna, imej dan rekaletak yang menepati prinsip reka bentuk.

Proses reka bentuk *flyers* anda perlulah berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut:

- a) Tentukan kandungan dan konsep
- Nyatakan konsep yang memenuhi keperluan tajuk, mudah difahami dan menarik.
- (15 markah)
- b) Tentukan susun atur (*layout*).
- Hasilkan lakaran tiga (3) *thumbnail*.
- (5 markah)
- Hasilkan lakaran semi komprehensif yang memenuhi keperluan konsep dengan baik
- (5 markah)
- Hasilkan lakaran komprehensif memenuhi keperluan konsep dengan baik
- Skala
 - Warna
- (5 markah)
- Hasilkan semula reka bentuk grafik dengan susunan keseluruhan elemen yang kreatif dan memenuhi prinsip reka bentuk.
- (10 markah)
- c) Sunting imej menggunakan perisian penyuntingan.
- Gunakan dua (2) imej yang resolusi tinggi
- (5 markah)
- Hasilkan grafik manipulasi imej yang kemas dengan menggunakan *tools* yang bersesuaian.
- (10 markah)
- d) Tetapkan grafik pada reka bentuk menggunakan perisian vektor.
- Pamerkan *font* yang menepati semua ciri-ciri pemilihan *font* yang baik dalam reka bentuk grafik.
- Jenis
 - Saiz

- Warna
- Reka letak

(10 markah)

- ii. Pamerkan penggunaan vektor grafik yang kemas dan menepati konsep reka bentuk.

- Warna
- Ilustrasi
- Reka letak

(10 markah)

e) Hasil akhir

- i. Tunjukkan reka bentuk grafik pengiklanan dengan baik dan mengikut konsep reka bentuk yang ditetapkan.

(10 markah)

- ii. Hasilkan dokumentasi yang lengkap yang menunjukkan proses kerja secara terperinci

(10 markah)

- iii. Tunjukkan hasil akhir yang menepati semua ciri-ciri kekemasan.

- Saiz
- Kualiti cetakan (jenis kertas, kualiti warna cetakan)
- Lain-lain yang bersesuaian

(5 markah)

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab